

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

HIT 402 Sains dalam Islam

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT(4) soalan dalam TIGA(3) muka surat.

**ARAHAN**

- Pilih dan jawab TIGA(3) soalan daripada mana-mana Bahagian A, B, C dan D. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.
- Tiap-tiap soalan ini hendaklah ditulis dalam kertas/buku yang berasingan.
- Angka Giliran hendaklah dicatit pada setiap kertas/buku jawapan.

**BAHAGIAN A**

**1. SAMA ADA**

- (a) Perspektif sains moden mengambil kira sebahagian sahaja daripada realiti kewujudan manusia, sedangkan Sains Islam mementingkan manusia sebagai satu realiti yang luas dan menyeluruh. Huraikan.

**ATAU**

- (b) Beri tafsiran maksud ayat-ayat al-Qur'ān yang berikut berdasarkan kepada penemuan-penemuan sains moden:

- i. "Malaikat-malaikat dan Rūh (Jibrail) naik kepadanya (Tuhan) pada hari yang ukurannya lima puluh ribu tahun."

(Al-Ma'ārij: 4)

- ii. "Bermula sesungguhnya Kami (Tuhan) telah menciptakan manusia dari sari pati tanah, kemudian Kami jadikananya sperma yang tersimpan di tempat simpanan yang kukuh, kemudian Kami jadikananya segumpal darah, lalu Kami jadikananya seketul daging, kemudian Kami jadikananya tulang belulang. Kemudian tulang itu kami balutkan dengan daging. Sesudah itu Kami jadikananya makhluk yang lain. Maka Maha Berkat Allah, Pencipta yang paling baik."

(Al-Mu'minūn: 12-14)

## BAHAGIAN B

### 2. SAMA ADA

- (a) Kehadiran dan kebanjiran alatan teknologi pembiakan kini menghasilkan kesinambungan konflik yang ketara di dalam dimensi-dimensi biologikal dan domain sosial. Selanjutnya perkembangan-perkembangan serta manipulasi-manipulasi teknologi ini semakin mewujudkan senario keruntuhan serta kehancuran nilai-nilai insan. Kemukakan perbahasan mengenai realiti tersebut dari perspektif Islam.

#### ATAU

- (b) Bincangkan mengenai kesan evolusionisme yang diketengahkan oleh Darwin dan jelaskan konsep evolusi dari sudut pemerhatian Islam.

#### ATAU

- (c) Bahaskan mengenai penaklukan kesekitaran oleh sains. Adakah ianya suatu eksploitasi atau keperluan insan?

**BAHAGIAN C**

**3. SAMA ADA**

- (a) Istilah 'al-khamr' terdapat di dalam beberapa Surah al-Qurān. Beri penjelasan tentang 'al-khamr' dilihat daripada sudut
- i. takrif;
  - ii. skop dan jenis bahan;
  - iii. cara penyelesaian;
  - iv. kaitannya dengan 'dadah'.

**ATAU**

- (b) Falsafah bagi ilmu-ilmu yang berkaitan dengan sistem Kesihatan seperti ilmu Perubatan dan Farmasi adalah sangat bergantung kepada beberapa andaian asas. Terangkan dan bandingkan andaian tersebut di antara sistem alopati dan sistem holistik. Beri penekanan kepada aspek-aspek Ontologi, Epistemologi dan Aksiologi.

**BAHAGIAN D**

**4. SAMA ADA**

- (a) Bincangkan falsafah perubatan Islam dan perbezaannya dengan perubatan moden (Alopati).

**ATAU**

- (b) Senarai dan huraikan prinsip-prinsip penting di dalam model sistem perubatan Islam.

**ATAU**

- (c) Berdasarkan al-Qurān, hadith serta pendapat-pendapat 'ulama, bincangkan pandangan Islam mengenai Euthanasia (Pembunuhan berdasarkan belas kasihan) dan pembedahan memindah organ badan kepada orang lain.